

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)

**TAHAP KEMAHIRAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DALAM  
MELAKSANAKAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH BERDASARKAN  
JANTINA, OPSYEN DAN TEMPAT MENGAJAR**

*(Level of Malay Language Secondary School Teacher in the Implementation School  
Based Assessment Towards Gender, Option and Teaching Location)*

**ANIZA AHMAD**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
[aniza3046@gmail.com](mailto:aniza3046@gmail.com)

**ZAMRI MAHAMOD**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Dihantar pada:**

5 Februari 2015

**Diterima pada:**

24 April 2015

**Koresponden:**

[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti sejauh manakah tahap kemahiran guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) agar pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah dapat memenuhi aspirasi yang diharapkan oleh pihak Kementerian. Selain itu, kajian ini juga melihat perbandingan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan jantina, tempat bertugas dan opsyen guru melalui kaedah ujian-t. Satu set soal selidik yang mengandungi 39 soalan telah diedarkan kepada 140 orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu di 20 buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian komputer melalui program *Package For The Social Sciences* SPSS Version 19.0. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, skor min dan peratusan, manakala statistik inferensi melibatkan ujian-t bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Kajian rintis digunakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen borang kaji selidik untuk memperoleh nilai *alpha* ( $\alpha$ ) Cronbach. Nilai  $\alpha$  berada pada tahap sangat tinggi ( $\alpha > 0.90$ ) secara keseluruhan bagi setiap item dalam borang kaji selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu mempunyai kemahiran pada tahap nilai min yang tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Dari segi perbandingan didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan  $p > 0.05$  antara tahap kemahiran guru-guru Bahasa Melayu menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan  $p > 0.05$  dengan faktor jantina, opsyen dan tempat guru mengajar terhadap pelaksanaan PBS. Oleh itu, tahap kemahiran yang tinggi guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dapat membantu pihak Kementerian untuk melaksanakan pentaksiran baharu dalam pendidikan.

**Kata Kunci:** Pentaksiran berasaskan sekolah, kemahiran guru, Bahasa Melayu

**Abstract:** This study aims to examine and identify level of skills Malay teachers in implementing the School-Based Assessment (PBS) to an assessment carried out by teachers in the school can meet the desired aspirations by the ministry. This study also looked comparative level of skills for the implementation of PBS Malay language based on gender, place of work and options guru on a test - t. A questionnaire containing 39 questions was distributed to 140 teachers of subjects Malay in 20 schools in the district of Kota Tinggi. The data was analyzed using a computer program, *Package For The Social Sciences* SPSS Version 19.0. Statistics used were descriptive statistics involving frequencies, mean scores and percentages and inferential statistics involving the t-test to answer the research question. The pilot study was used to obtain the validity and reliability of the questionnaire instrument to obtain the Cronbach alpha ( $\alpha$ ). The value of  $\alpha$  stay at a very high level ( $\alpha > 0.90$ ) overall for each item in the questionnaire. The results showed the Malay language teachers have the skills at the level of the mean value in the conduct of School Based Assessment. In terms of comparison found that there was no significant difference  $p < 0.05$  between teacher skills Malay with gender, options and teachers teach to the implementation of PBS. The level of skills that high Malay teachers on the implementation of the School-Based Assessment will help the ministry to carry out a new evaluation in education.

**Keywords:** School based assessment, teacher skill, Malay Language

## PENGENALAN

Sistem Pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan atau exam oriented, telah membuka mata pelbagai pihak dan lapisan masyarakat untuk menilai kembali sistem pendidikan sedia ada. Pelbagai cadangan telah dikemukakan untuk memperbaiki keadaan tanpa memberikan terlalu banyak tumpuan kepada pencapaian dalam peperiksaan semata-mata. Menurut laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (2012), sepatutnya peperiksaan awam yang bersifat sumatif tidak berimpak negatif terhadap murid.

Walau bagaimanapun cabarannya ialah peperiksaan awam yang dilaksanakan sekarang tidak menguji kesemua kemahiran yang dihasratkan dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu disarankan supaya lebih memberikan tumpuan kepada pentaksiran yang holistik. Hal ini jelas digambarkan belakngan ini, di mana pentaksiran di dalam bilik darjah kian diberi perhatian (Zhang & Burry-Stock 2003). Pendapat ini disokong oleh Mc Millan (2000), yang berpendapat pentaksiran di dalam bilik darjah merupakan sebahagian daripada aktiviti penting dalam proses P&P. Ekoran itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebagai satu transformasi dalam dunia pendidikan di Malaysia.

PBS yang diperkenalkan adalah salah satu usaha kerajaan melalui Kementerian Pendidikan membangunkan modal insan secara holistik dengan menekankan penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi. Sistem PBS mula dilaksanakan di sekolah rendah pada tahun 2011 dan dijadualkan menjelang tahun 2016, murid-murid sekolah rendah akan menduduki peperiksaan Ujian pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang telah ditambah baik. Bagi peringkat sekolah menengah, sistem PBS baru digerakkan dan dijangka dalam tempoh dua tahun berikutnya, akan mula dilaksanakan bagi penambahbaikan pada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Secara spesifik, PBS dioptimumkan bagi mentaksir bidang akademik dan bukan akademik, memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif. Menurut Jamil (2008), untuk

mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid, kita boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian dan pentaksiran. Menurut Akhbar dan Siti Zaliha (2002) dalam kajiannya mendapati pentaksiran yang berkesan dapat membantu guru mengetahui tahap pembelajaran pelajar dan juga keberkesanan pengajaran guru. Guru merupakan pihak utama yang bertanggungjawab dalam pentaksiran P&P pelajar. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan untuk peringkat darjah satu pada tahun 2011 telah mengguna pakai PBS untuk mentaksir pembelajaran murid.

Dalam pelaksanaan PBS, pentaksiran formatif atau *assessment for learning* diberi penekanan utama untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dengan harapan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na'imah 2011). Pentaksiran formatif dijalankan dalam PBS secara berterusan, diintegrasikan dalam proses P&P (P&P) agar aspek pengukuran murid juga lebih bersifat menyeluruh dan berupaya memberi maklumat kepada murid berkaitan tahap pembelajaran semasa, arah meningkatkan pencapaian serta status pencapaian berbanding objektif pembelajaran (Chappuis & Chappuis 2008). Penggunaan teknik pentaksiran formatif turut membekalkan maklumat berkaitan kualiti pengajaran guru (Hall & Burke 2003).

Dalam usaha penambahbaikan kepada pentaksiran sekolah sedia ada, pentaksiran mengandungi proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa-apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard yang telah ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Melalui PBS murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Melalui PBS, pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada

pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing. Guru pula merupakan pihak utama yang bertanggungjawab dalam pentaksiran P&P pelajar.

Kesimpulannya, PBS memberi autonomi kepada guru melaksanakan pentaksiran berdasarkan kesediaan murid kerana tujuan sistem ini diperkenalkan ialah untuk membantu guru dan murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid semasa P&P berlangsung. PBS tidak membandingkan murid dengan murid lain malah kejayaan murid diukur bersandarkan standard yang harus dicapai pada suatu tahap pembelajaran. Cara ini akan mengurangkan tekanan terhadap murid kerana mereka tidak dibandingkan dengan kumpulan yang lebih cerdas atau terpaksa menunggu rakan lain yang belum menguasai sepenuhnya sesuatu kemahiran yang diajar untuk maju.

### TUJUAN KAJIAN

Kajian berkaitan PBS dalam kalangan guru dan murid pernah dibuat, namun kajian masih perlu diperbanyak dan diperluaskan memandangkan PBS merupakan satu transformasi yang baru diperkenal dan dilaksanakan dalam dunia pendidikan di negara kita. Dalam hal ini pengkaji merasakan adalah penting kajian berkaitan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS dibuat bagi mengetahui dengan lebih mendalam sejauh manakah kemahiran guru-guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan PBS di sekolah.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kemahiran guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah daerah Kota Tinggi membuat pentaksiran terhadap pelajar-pelajar di dalam bilik darjah. Kajian ini juga bertujuan untuk menjalankan soal selidik bagi melihat kemahiran guru dalam melaksanakan PBS P&P di sekolah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan antara kemahiran guru-guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan jantina, tempat bertugas dan opsyen guru.

### OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan objektif berikut:

1. Mengetahui tahap kemahiran guru-guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS.
2. Mengetahui perbezaan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu berdasarkan jantina terhadap pelaksanaan PBS.
3. Mengetahui perbezaan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu opsyen dan bukan opsyen terhadap pelaksanaan PBS.
4. Mengetahui perbezaan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu di luar Bandar dan bandar terhadap pelaksanaan PBS.

### METODOLOGI

#### Reka Bentuk Kajian

Dalam penyelidikan, reka bentuk sesuatu kajian merupakan teknik dan kaedah bagi memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Secara khusus, reka bentuk sesuatu penyelidikan membincangkan bagaimana objektif kajian boleh dicapai (Mohd Majid 1994). Reka bentuk kajian ini adalah kajian penilaian berbentuk tinjauan. Creswell (2008) menyatakan reka bentuk kajian tinjauan merupakan prosedur dalam kajian kuantitatif di mana penyelidik menjalankan tinjauan ke atas sampel atau seluruh populasi orang untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri dalam populasi itu. Dalam prosedurnya, penyelidik mengumpul kuantitatif, data bernombor dengan menggunakan soal selidik dan analisis data secara deskriptif dan inferensi untuk menggambarkan tren-tren tentang jawapan kepada persoalan kajian dan menguji hipotesis kajian.

Menurut Karlinger (1973), kaedah tinjauan mempunyai kelebihan dalam sesuatu kajian kerana dapat mengumpulkan maklumat bagi suatu populasi bersaiz besar. Kajian tinjauan juga bertujuan mengumpul data daripada sejumlah unit atau seseorang individu dalam satu masa (Sidi Gazalba 1981). Kajian tinjauan juga membolehkan penyelidik mendapatkan sampel yang lebih besar dalam masa paling singkat (Fraenkel & Wallen 1996).

Dalam kajian ini pengkaji meninjau kemahiran guru-guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS. Kajian memberi tumpuan kepada pengumpulan data secara kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini untuk memperoleh maklumat balas daripada

responden. Soal selidik dipilih sebagai alat kajian utama kerana soal selidik adalah kaedah paling mudah dan berkesan dalam memperoleh data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh (Fraenkel & Wallen 2009).

Untuk menentukan pensampelan, penyelidik terlebih dahulu meneliti objektif kajian, persoalan kajian serta hipotesis kajian. Berdasarkan kesesuaian dengan menepati kehendak perkara-perkara ini, maka pensampelan rawak bertujuan digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh melalui soal selidik adalah bernombor dan dianalisis mengikut prosedur statistik secara deskriptif dan inferensi.

### Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Creswell (2008), populasi merupakan sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri dan kriteria yang sama dengan tujuan kajian dijalankan. Manakala sampel merupakan sub-kumpulan daripada populasi sasaran yang ingin dikaji oleh pengkaji dengan tujuan untuk membuat generalisasi ke atas populasi kajian. Menurut Bogden (1998) bahawa, terdapat kriteria-kriteria penting dalam pemilihan tempat kajian. Lokasi kajian yang dipilih haruslah terdapat situasi yang kaya dengan proses, responden, interaksi dan struktur yang ingin dikaji.

Selain itu, lokasi tersebut hendaklah mudah dimasuki, kredibiliti dan kualiti data terjamin serta hubungan yang baik antara pengkaji dan peserta kajian di lokasi kajian tersebut. Oleh yang demikian, rasional pemilihan tempat penyelidikan, peserta dan dan penetapan tempoh penyelidikan, dan persetujuan pihak sekolah perlu diberi keutamaan dengan memperoleh kebenaran dan persetujuan terlebih dahulu. Menerusi kajian ini, sampel telah dipilih membabitkan seluruh kumpulan guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah daerah Kota Tinggi. Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan sekolah yang digunakan.

Sekiranya penyelidik ingin membuat inferens dengan tahap keyakinan yang tinggi daripada sampel kepada populasi, sampel yang dikaji mestilah mewakili populasi (Mohd Majid 1994). Sampel kajian terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah. Guru dipilih sebagai responden kajian kerana mereka dianggap golongan yang melaksanakan sesuatu dasar di

sekolah malah mereka dikatakan dapat memberi gambaran yang tepat tentang input, proses dan produk pelaksanaan PBS.

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pelajaran Daerah Kota Tinggi, terdapat 19 buah sekolah menengah di Daerah Kota Tinggi. Bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu setiap sekolah terdiri daripada 6 orang hingga 12 orang guru. Krejcie dan Morgan (1970) dalam Azizi et al. (2007), kaedah penentuan saiz sampel berdasarkan populasi untuk pensampelan secara rawak bertujuan yang melibatkan responden seramai 140 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 114 orang guru perempuan dan 26 orang guru lelaki. Namun demikian penyelidik telah memutuskan menggunakan semua guru Bahasa Melayu sebagai responden dalam kajian ini. Hal ini kerana sejumlah keseluruhan populasi akan dapat memberikan dapatan kajian yang lebih berkesan dan jitu. Oleh yang demikian teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini nanti secara keseluruhan populasi.

Jadual 1: Taburan responden berdasarkan sekolah

Bil.	Senarai Sekolah	Guru Bahasa Melayu (N = 140)
1	SMK Semenchu	9
2	SMK Bandar Mas	10
3	SMK Air Tawar	5
4	SMK Bandar Penawar	7
5	SMK Lokman Hakim	6
6	SMK Sri Aman	8
7	SMK Adela	9
8	SMK Agama Kota Tinggi	7
9	SMK Sains Kota Tinggi	5
10	SMK Bandar Easter	5
11	SMK Tanjung Pengeleh	5
12	SMK Tun Habab	8
13	SMK Laksamana	7
14	SMK Kota Jaya	9
15	SMK Bandar	10
16	SMK Saujana	10
17	SMK Linggiu	5
18	SMK Tan Sri Jaafar Albar	9
19	SMK Sukan	6

### Instrumen Kajian

Pengkaji akan menggunakan instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah

diadaptasi daripada kajian Azhari dan kajian Ismadiah. Soal selidik ini diubah suai mengikut keperluan kajian ini. Soal selidik mempunyai bahagian seperti berikut:

1. Bahagian A- Maklumat latar belakang responden (demografi)
2. Bahagian B- Kemahiran guru-guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS.

Setiap item terdapat lima pilihan jawapan. Item-item ini adalah berdasarkan daripada item-item yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik yang lepas dan kini diguna pakai dalam penyelidikan dengan sedikit pengubahsuaian. Pada Bahagian A, terdapat 5 soalan yang perlu dijawab iaitu umur, jantina, lokasi sekolah bandar dan luar bandar, opsyen dan bukan opsyen dan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada Bahagian B, terdapat 18 soalan yang perlu dijawab oleh responden kajian. Jadual 3.2 Pembahagian item soalan borang kaji selidik. Guru diukur untuk melihat tahap kemahiran mentaksir dan mentadbir mereka terhadap PBS. Bahagian B sampel dikehendaki memberi respon sama ada “sangat kurang kepada sangat tinggi”. Bahagian C sampel dikehendaki memberi respon sama ada “sangat kurang kepada sangat tinggi”. Bahagian D sampel dikehendaki memberi respon sama ada “sangat kurang kepada sangat tinggi”. Bahagian E Sampel dikehendaki memberi respon sama ada “Sangat tidak perlu kepada Amat perlu”.

Jadual 2: Bilangan item

Bahagian	Bilangan Item Soalan
Bahagian A: Maklumat latar belakang responden	5
Bahagian B: Kemahiran guru BM terhadap PBS	8
<b>Jumlah Bahagian</b>	<b>23</b>

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan PBS

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian bagi meninjau tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS. Dapatan kajian ini adalah dilihat daripada kemahiran guru untuk

mentadbir dan melaksanakan PBS di sekolah menengah. Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengenai tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati hampir keseluruhan item berada pada tahap min yang tinggi. Item tertinggi ialah item 7 dengan min 4.25. Item 7 yang menyatakan bahawa ‘*Saya menggunakan kaedah pemerhatian, penyoalan secaralisan, latihan bertulis, persembahan, pembentangan dan hasil kerja berkumpulan semasa mentaksir murid*’ telah mencatatkan nilai min 4.25 dengan sisihan piawai .56. seramai 89 orang (63.6%) setuju dan 44 orang (31.4%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 6 orang (4.3%) menunjukkan tidak pasti, manakala seorang (0.7%) tidak setuju dengan pernyataan item 7 ini.

Item terendah diperolehi pada item 13, dengan min 2.35, iaitu pada tahap sederhana. Jumlah murid yang sangat tidak setuju adalah ramai, iaitu 30 orang (21.4%) dan tidak setuju seramai 67 (47.9%). Jumlah yang setuju (28 orang atau 20.0%) dan sangat setuju (4 orang atau 2.9%) ada sedikit sahaja. Min keseluruhan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap PBS adalah tinggi, iaitu min 3.92. hal ini bermakna secara keseluruhan guru-guru Bahasa Melayu mempunyai kemahiran dalam melaksanakan PBS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru Bahasa Melayu mahir bagaimana untuk melaksanakan PBS walaupun PBS ini baharu dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Jadual 3: Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS mengikut min dan sisihan piawai

Bil	Item	Kekerapan (f) Peratusan (%)					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
1	Saya mempelbagaikan kaedah dan instrumen yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	0 0%	4 2.9%	2 1.4%	101 72.1%	33 23.6%	4.16
2	Instrumen yang dibina untuk pentaksiran bersesuaian dengan pernyataan eviden yang hendak ditaksir.	0 0%	1 0.7%	6 4.3%	110 78.6%	23 16.4%	4.10

3	Saya akan menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran.	0 0%	2 1.4%	6 4.3%	109 77.9%	23 16.4%	4.09	bleh mereka.	30 21.4%	67 47.9%	1 0.7%	28 20.0%	4 2.9%	2.35																								
4	Saya akan merujuk Dokumen Standard Prestasi setiap kali melaksanakan pentaksiran.	0 0%	1 0.7%	7 5.0%	98 70.0%	34 24.3%	4.47	Saya memberikan bimbingan dan nasihat kepada murid terhadap prestasi pencapaian mereka setiap kali selepas ditaksir.	-	1 0.7%	6 4.3%	98 70.0%	35 25.0%	4.19																								
5	Saya melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa P&P dijalankan di dalam bilik darjah.	0 0%	5 3.6%	10 7.1%	101 72.1%	24 17.1%	4.02	Saya merekodkan prestasi setiap murid dalam folio untuk rujukan guru, penyelaras, murid dan ibu bapa	-	3 2.1%	10 7.0%	97 69.3%	30 21.4%	4.10																								
6	Saya memberikan skor dengan meletakkan band (1-6) kepada setiap murid yang telah melepasi eviden bagi setiap band.	0 0%	2 1.4%	7 5.0%	94 67.1%	37 26.4%	4.18	Saya merekod dan melaporkan prestasi setiap murid dalam Sistem Pengurusan PBS	2 1.4%	13 9.3%	10 7.1%	91 65.0%	24 17.1%	3.87																								
7	Saya menggunakan kaedah pemerhatian, penyoalan secara lisan, latihan bertulis, persembahan, pembentangan dan hasil kerja berkump. masa mentaksir murid.	0 0%	1 0.7%	6 4.3%	89 63.6%	44 31.4%	4.25	Saya melaporkan dan merekodkan pencapaian setiap murid berdasarkan kepada laporan formatif dan pelaporan sumatif.	-	4 2.9%	12 8.6%	99 70.7%	25 17.9%	4.03																								
8	Saya menilai hasil kerja murid dgn merujuk deskriptor dan eviden yg dinyatakan dlm DSP.	0 0%	1 0.7%	1 0.7%	101 72.1%	37 26.4%	4.24	Saya mahir untuk merekodkan dan melaporkan setiap keputusan murid-murid sama ada secara atas talian atau di dalam folio	1 0.7%	2 1.4%	19 13.6%	92 65.7%	26 18.6%	4.00																								
9	Saya menyediakan skema pemarkahan bagi setiap intrumen yang dibina untuk membuat penilaian semasa mentaksir murid.	0 0%	3 2.1%	20 14.3%	91 65.0%	26 18.6%	4.00							3.92																								
<b>Perbezaan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jantina</b>																																						
10	Saya memastikan murid-murid ditaksir sama rata berdasarkan kepada aras kemahiran masing-masing dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran.	0 0%	3 2.1%	8 5.7%	100 71.4%	29 20.7%	4.10	Untuk melihat perbezaan kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBS berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan guru perempuan dilakukan. Hasil analisis inferensi adalah seperti Jadual 4.																														
11	Saya memberikan pujian/motivasi/gred terhadap hasil kerja murid sama ada secara individu ataupun berkump.	1 0.7%	2 1.4%	8 5.7%	100 71.4%	29 20.7%	4.11	Jadual 4: Hasil ujian-t perbezaan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan jantina																														
12	Saya tidak memberitahu murid secara individu bagaimanakah untuk membetulkan kesalahan yang dikesan melalui latihan yang dibuat	28 20.0%	57 40.7%	10 7.1%	38 27.1%	7 5.0%	2.5	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Kumpulan</th> <th>Bil.</th> <th>Min</th> <th>S.P</th> <th>Dk</th> <th>Nilai-t</th> <th>Sig (p)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>lelaki</td> <td>26</td> <td>3.96</td> <td>.40</td> <td>138</td> <td>.537</td> <td>.383</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Perempuan</td> <td>114</td> <td>3.91</td> <td>.37</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> Signifikan pada aras $p > 0.05$		Kumpulan	Bil.	Min	S.P	Dk	Nilai-t	Sig (p)	lelaki	26	3.96	.40	138	.537	.383		Perempuan	114	3.91	.37										
	Kumpulan	Bil.	Min	S.P	Dk	Nilai-t	Sig (p)																															
lelaki	26	3.96	.40	138	.537	.383																																
Perempuan	114	3.91	.37																																			

Jadual 4 menunjukkan bahawa keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBS berdasarkan jantina. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru lelaki ( $m=3.96$ ,  $sp=.40$ ) adalah lebih tinggi berbanding skor min guru perempuan ( $m=3.91$ ,  $sp=.37$ ). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat nilai *t* bagi kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBS antara guru lelaki dan guru perempuan ialah .537 pada tahap signifikan  $p=.383$ . tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p=0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran guru Bahasa Melayu dengan jantina terhadap pelaksanaan PBS. Ini jelas bahawa kemahiran Guru Bahasa Melayu lelaki dan perempuan adalah sama.

#### **Perbezaan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan PBS Berdasarkan Tempat Bertugas di Bandar dan Luar Bandar**

Untuk melihat perbezaan kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBS berdasarkan tempat bertugas iaitu sama ada di bandar atau di luar bandar dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru yang mengajar di bandar dan di luar bandar dilakukan. Secara lebih terperinci Jadual 5 menunjukkan skor min kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi di bandar dan di luar bandar.

Jadual 5: Hasil ujian-*t* perbezaan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan tempat bertugas di bandar dan di luar bandar

Kumpulan	Bil.	Min	S.P	Dk	Nilai-t	Sig (p)
Bandar	38	3.98	.31	137	1.118	.598
Luar bandar	101	3.90	.40			

Signifikan pada aras  $p > 0.05$

Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min kemahiran guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi di bandar dan di luar bandar. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru Bahasa Melayu di bandar ( $m=3.98$ ,  $sp=.31$ ) adalah lebih tinggi berbanding

skor min guru Bahasa Melayu di luar bandar ( $m=3.90$ ,  $sp=.40$ ).

Berdasarkan analisis data yang telah dibuat nilai *t* bagi kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS antara guru Bahasa Melayu di bandar dan guru Bahasa Melayu di luar bandar ialah 1.118 pada tahap signifikan  $p=.598$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p=0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu di bandar dan di luar bandar terhadap pelaksanaan PBS. Ini jelas bahawa kemahiran Guru Bahasa Melayu di bandar dan di luar bandar adalah sama.

#### **Perbezaan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan PBS Berdasarkan Opsyen dan Bukan Opsyen**

Untuk melihat perbezaan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan guru opsyen dan guru bukan opsyen Bahasa Melayu dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru opsyen dan guru bukan opsyen Bahasa Melayu dilakukan. Hasil analisis inferensi ditunjukkan secara terperinci dalam Jadual 6.

Jadual 6: Hasil ujian-*t* perbezaan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan opsyen dan bukan opsyen

Kumpulan	Bil.	Min	S.P	Dk	Nilai-t	Sig(p)
Opsyen	62	4.00	.40	137	2.280	.084
Bukan opsyen	72	3.85	.35			

Signifikan pada aras  $p > 0.05$

Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian-*t* untuk membandingkan skor min kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap Pelaksanaan PBS berdasarkan guru opsyen dan guru bukan opsyen. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru opsyen Bahasa Melayu ( $m=4.00$ ,  $sp=.40$ ) adalah lebih tinggi berbanding skor min guru bukan opsyen Bahasa Melayu ( $m=3.85$ ,  $sp=.35$ ).

Berdasarkan analisis data yang telah dibuat nilai *t* bagi kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS antara guru opsyen dan guru bukan opsyen Bahasa Melayu ialah 2.280 pada tahap signifikan  $p=.084$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p=0.05$ ). Oleh itu,

hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru opsyen dan guru bukan opsyen Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS. Ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran guru opsyen dan guru bukan opsyen Bahasa Melayu adalah sama. Kemahiran yang dimiliki oleh guru-guru opsyen Bahasa Melayu dan bukan opsyen Bahasa Melayu adalah sama ketika mentadbir dan melaksanakan PBS di dalam bilik darjah.

## PERBINCANGAN

Tahap kemahiran guru adalah antara faktor yang penting dalam melaksanakan PBS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran guru dalam melaksanakan PBS berada pada tahap min yang tinggi. Hampir keseluruhan item tahap kemahiran berada pada tahap min yang tinggi. Pengkaji juga mendapati melalui ujian-t dapatan ini menunjukkan pada hipotesis nul dengan nilai signifikan yang lebih besar daripada  $0.383 > 0.05$  ( $p > 0.05$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran guru Bahasa Melayu mengikut jantina, nilai signifikan yang lebih besar daripada  $0.598 > 0.05$  ( $p > 0.05$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran antara guru Bahasa Melayu luar bandar dan bandar dan nilai signifikan yang lebih besar daripada  $0.084 > 0.05$  ( $p > 0.05$ ) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru opsyen dan bukan opsyen Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBS.

Kajian ini disokong oleh Faizah (2011), yang menyatakan agar PBS dapat dijalankan dengan baik. Seharusnya guru memainkan peranan yang menyeluruh dan memiliki kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran. Menguasai kemahiran perlu bagi seseorang guru kerana guru berperanan untuk mendidik seseorang individu menjadi lebih baik dan memberikan penilaian terhadap pelajar. Oleh yang demikian, guru perlu memiliki ciri-ciri tersendiri yang mungkin tidak sama dengan profesion lain. Pertama guru perlu menguasai ilmu dan kemahiran mengenai kaedah yang boleh mewujudkan suasana pengajaran yang lebih berkesan (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2008).

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan seramai 134 responden (95.7%) telah mempelbagaikan kaedah dan instrumen ketika

mentaksir dan seramai 125 orang responden (89.3%) telah melaksanakan pentaksiran secara berterusan seiring pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Menurut Siti Rahayah (2003), pentaksiran dalam pendidikan merupakan proses mentaksir sama ada kuantiti atau takat sesuatu diukur itu boleh diterima atau tidak. Disokong oleh Khodori (2000), yang menyatakan bahawa pentaksiran akan memainkan peranan yang diharapkan sekiranya terdapat keselarasan dari segi hasrat dan amalan. Menurutnya lagi adalah sangat mustahak untuk menentukan kesesuaian kaedah dan tujuan.

PBS memerlukan guru-guru mengamalkan konsep mentaksir dan membimbing murid-murid. Hal ini terbukti apabila dapatan kajian menunjukkan 133 responden (95%) sentiasa memberikan bimbingan dan nasihat kepada murid terhadap prestasi pencapaian mereka setiap kali selepas ditaksir. Menurut Boston (2002), dalam konteks pembelajaran, pentaksiran formatif melibatkan guru, murid, maklum balas ke atas pembelajaran murid dan bukan bertujuan untuk pengredan murid sahaja. Dalam hal ini, guru perlu mempertimbangkan dan membina banyak peluang untuk mentaksir bagaimana murid belajar sepanjang tahun dan menggunakan maklumat ini untuk melihat pertumbuhan mereka. Kenyataan ini disokong oleh Salbiah (1998) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan penilaian yang bersifat formatif perlu diberi penekanan dalam penyediaan guru permulaan.

Latihan baru yang bercorak amali perlu didedahkan kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran baru sebagai persediaan menghadapi cabaran pembelajaran pendidikan yang lebih mencabar pada masa hadapan (Yahya et al. 2003). Perkara ini perlu diberi perhatian dan dipertingkatkan kerana terdapat guru yang mengatakan kursus PBS yang dihadiri oleh mereka adalah kurang berkesan dan tidak mencukupi untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam melaksanakan PBS (Suriana 2013).

Daripada dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru-guru seharusnya lebih kreatif untuk menyediakan pelbagai instrumen dan kaedah pentaksiran bagi menguji keupayaan dan kebolehan murid menguasai sesuatu kemahiran. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran guru untuk



melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah. Usaha ini selain dapat membantu meningkatkan kemahiran guru membuat pentaksiran ketika mengajar Bahasa Melayu, usaha ini secara tidak langsung juga akan membantu murid mencapai objektif pembelajaran dan kemahiran yang dihasratkan dalam pelaksanaan PBS. Kemahiran yang paling tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu ialah mengenal pasti perkaitan antara pelaksanaan PBS dengan objektif kurikulum.

Kebanyakan guru memiliki kemahiran menjadikan DSP sebagai panduan terbaik. Menurut Faizah (2011), agar PBS dapat dijalankan dengan baik maka guru harus memiliki peranan yang menyeluruh sehingga juga diwajibkan memiliki kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran. Pentingnya kemahiran bagi guru adalah mengikut perkembangan semasa yang juga termaktub dalam Pusat Perkembangan Kurikulum (Rosli 2008). Pusat Perkembangan Kurikulum menyatakan bahawa kemahiran dan pengetahuan guru mestilah dipertingkatkan dan dikemas kini supaya pendidikan yang disampaikan bersesuaian dengan keperluan semasa.

### IMPLIKASI KAJIAN

Kajian memberi gambaran bahawa pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBS berada pada tahap tinggi namun pengkaji dapat mengenal pasti beberapa kelemahan guru dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di samping pelaksanaan PBS belum mencapai matlamat sepenuhnya. Oleh itu, dalam usaha untuk mencapai matlamat yang dihasratkan dalam pelaksanaan PBS, usaha penambahbaikan secara bersepadu harus diambil oleh semua pihak yang terlibat iaitu pembuat dasar, guru, pentadbir, pegawai Jabatan Pelajaran Negeri dan pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian ini telah dapat memberi sumbangan kepada aspek pendidikan dan pembangunan modal insan.

#### Pengkaji

Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji memberi sumbangan yang amat penting di mana penambahbaikan harus ditumpukan kepada aspek pelaksanaan PBS di sekolah. Aspek pelaksanaan yang perlu diberi perhatian ialah daripada aspek

pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru untuk mentaksir pencapaian murid secara formatif. Kajian ini telah membuktikan bahawa pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS boleh dipertingkatkan lagi dengan memberi pendedahan tentang dasar pelaksanaan PBS kepada guru-guru secara meluas melalui info media massa atau praktikal melalui aktiviti secara hands on.

#### Pembuat Dasar (Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia)

Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat beberapa kelemahan dalam beberapa aspek pelaksanaan PBS. Kelemahan yang dapat dikenal pasti ini pastinya membolehkan pihak pemutus dasar untuk mengkaji semula keberkesanan pelaksanaannya di sekolah-sekolah. Pembuat dasar seharusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan PBS itu sendiri. Mereka perlu mengadakan lebih banyak kursus secara komprehensif dan berkala untuk memberi pendedahan kepada guru-guru dan pentadbiran pendidikan tentang PBS. Mereka bukan sahaja bertindak untuk memberi kursus, malahan melaksanakan PBS secara praktikal seiring dengan penyampaian maklumat secara teori bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kemahiran guru untuk melaksanakan PBS.

Pihak pembuat dasar yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya melaksanakan usaha mengubah suai model penyampaian daripada lima lapisan kepada tiga lapisan dengan lebih berkesan. Peranan SISC+ yang diwujudkan dalam Program Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 perlu proaktif untuk membantu memperluas penyebaran maklumat berkaitan dasar-dasar dan program-program pendidikan kepada guru-guru.

Selain itu pihak pembuat dasar seharusnya memberi latihan yang lebih berkesan dan praktikal kepada guru-guru yang dilantik sebagai jurulatih utama. Prasarana seperti sistem talian untuk memasukkan pelaporan juga harus diberi keutamaan untuk menjamin pelaksanaan PBS berjalan dengan baik.

### **Pentadbir Sekolah**

Pihak pentadbir sekolah juga bertanggungjawab untuk merancang dan memantapkan profesionalisme kegunaan melalui kursus dalam seperti program In House Training. Kursus dalam ini dapat membantu guru-guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk melaksanakan PBS melalui perkongsian ilmu dalam kalangan guru itu sendiri. Guru-guru yang telah didedahkan dengan kursus PBS di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan dilantik menjadi mentor kepada guru-guru yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan dalam melaksanakan PBS.

Usaha ini secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang pengetahuan guru-guru tentang PBS. Pentadbir juga seharusnya menjalankan proses Pementoran, Pengesanan, Pemantauan dan Penyelarasan (4P) dengan lebih efektif di sekolah. Bahan rujukan tentang PBS dan kemudahan peralatan melaksanakan pentaksiran perlu diambil kira untuk membolehkan guru-guru menjalankan pentaksiran dengan lebih berkesan.

### **Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah**

Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) terlebih dahulu perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi berbanding guru-guru di sekolah. Mereka perlu mengadakan sesi penataran di peringkat negeri dan daerah dengan lebih efektif agar tidak berlaku ketirisan atau kecairan maklumat tentang PBS dalam kalangan guru di sekolah. Mereka juga perlu melaksanakan penjaminan kualiti 4P dalam PBS dengan lebih kerap dan konsisten supaya pelaksanaan PBS di sekolah berjalan dengan lebih telus dan mempunyai tahap integriti yang tinggi.

### **Jurulatih Utama Kebangsaan, Jurulatih Negeri, Jurulatih Daerah dan Jurulatih Sekolah**

Jurulatih utama yang dilantik dalam kalangan guru perlu sentiasa bersedia bekerjasama dengan pegawai pentadbir dalam pendidikan untuk memberi latihan kepada rakan-rakan guru di sekolah tentang pelaksanaan PBS. Mereka perlu

mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kefahaman yang lebih tinggi tentang pelaksanaan PBS sebelum mereka melatih guru-guru di sekolah melaksanakan PBS dengan lebih berkesan. Di samping menjadi jurulatih, mereka juga berperanan menjadi mentor kepada rakan-rakan guru yang kurang berkemahiran dan berpengetahuan untuk melaksanakan PBS di sekolah.

### **Guru**

Dapatan kajian ini juga memberi implikasi kepada guru-guru untuk menerima transformasi pendidikan ini dengan hati yang terbuka dan penuh tanggungjawab. Mereka perlu sentiasa bersedia untuk menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran membuat pentaksiran dengan pelbagai kaedah di dalam bilik darjah. Guru juga seharusnya lebih kreatif dan sentiasa berinformasi serta memberikan kerjasama kepada pelbagai pihak dalam melaksanakan PBS di sekolah. Oleh itu, rumusan dapatan kajian ini jelas telah memberi implikasi kepada pelbagai pihak. Diharapkan dengan adanya kajian ini dapat memberikan maklumat-maklumat yang positif dan boleh diguna pakai untuk menjayakan pelaksanaan PBS dengan lebih berkesan.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membincangkan dengan lebih jelas tentang pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS. Kesimpulannya, melalui kajian ini dapat dilihat guru-guru Bahasa Melayu telah memiliki pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBS. Berdasarkan kajian juga telah diutarakan beberapa cadangan yang perlu diambil kira dalam usaha memantapkan dan memperkasakan PBS sebagai satu konsep penilaian yang terbaik untuk melahirkan modal insan yang diharapkan. Diharapkan juga besar harapan agar kajian ini dapat memberi maklumat sebenar mengenai kompetensi dan keupayaan guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBS.

Jelas hasil dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa pentaksiran berasaskan sekolah mulai diterima oleh para guru. Namun

Kementerian Pelajaran, dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan perlu meningkatkan pendedahan pentaksiran yang lebih luas kepada para guru. Di samping itu, para guru juga perlu membuka minda untuk menerima sebarang bentuk pentaksiran asalkan relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa.

Implikasi kajian ini juga menunjukkan bahawa era globalisasi banyak guru yang memperoleh maklumat daripada rakan-rakan dan juga Kementerian Pendidikan. Apa yang penting ialah minda perlu dibuka luas dan menggunakan peluang yang disediakan melalui kemudahan ICT untuk menimba ilmu selain daripada mengikuti kursus secara formal. Justeru PBS perlu diteruskan di samping dibuat penambahbaikan dari pelbagai aspek bagi mewujudkan keyakinan kepada masyarakat terhadap kualiti produk yang dihasilkan oleh pihak sekolah dan pengiktirafan terhadap kewibawaan para guru dalam membuat pentaksiran.

#### RUJUKAN

- Akhbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan. (2002). Penilaian prestasi berasaskan sekolah: Pelaksanaan dan kesediaan guru. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Azahari Abdullah. (2005). Penilaian program pentaksiran ujian lisan berasaskan sekolah Bahasa Melayu SPM. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chappuis, S & Chappuis J. (2008). The best value in formative assessment. *Educational Leadership*, 65 (4): 14-19.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research planning: Conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Edisi Ke-3. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Fraenkel J.R. & Wallen N.E. (2009). *How to design and evaluation research in education*. Edisi Ke-7. New York: McGraw-Hill.
- Jamil Ahmad & Suzana Abd Mutalib. (2012). Penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam subjek Bahasa Melayu darjah satu: kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 17-30.
- Kamarul Azmi Jasmy & Ab.Halim Tamuri. (2008). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Khodori Ahmad. (2000). Peranan pentaksiran dalam pembentukan masyarakat yang berfikiran dan belajar. *International Conference on Teaching and Learning*, 2(1): 468- 475.
- Krejcie & Morgan. 1970. Dlm. Aziziet.al. (2007). *Manual pentaksiran berasaskan sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2008). *Pentaksiran berasaskan sekolah*. Putrajaya: Unit UPSR.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Rosli Alias. (2008). Pelaksanaan pentaksiran kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah daerah Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Salbiah Ishak. (1998). Amalan penilaian formatif dalam pelaksanaan penilaian kemajuan berasaskan sekolah oleh guru Bahasa Melayu dan matematik. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salbiah Mohd Som. (2000). Kajian kes tentang pelaksanaan kemahiran proses Sains dalam P&P Biologi tingkatan 4. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Rahayah Ariffin. (2003). *Teori, konsep dan amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Buntat, Muhammad Rashid Rajuddin, Kandar Selamat & Muhammad Sukri Saud. (2003). Kesesuaian kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap keperluan pembelajaran

di sekolah, Jabatan Pendidikan Kejuruteraan dan Teknikal. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Boston,C. (2002). The concept of formative assessment. ERIC Clearing House, on Assessment and Evaluation College Park M.D. *ERIC Document Reproduction Service No. Ed470206 2002-10-00*<http://www.vtaide.com/png/ERIC/Formative-Assessment.html>. (23 Disember 2013)